

KESAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR VISUAL DALAM PENGAJARAN SUBJEK SAINS TAHUN TIGA

Oleh

Christopher Lu Wei Wang
Chrislww2682@gmail.com

ABSTRAK

Kajian penyelidikan ini dijalankan untuk meningkatkan pencapaian murid tahun tiga dalam subjek Sains dengan menerusi penggunaan bahan bantu mengajar visual. Reka bentuk kajian ini adalah berasaskan model Stephen Kemmis (1988) dan model Mckernan (1990). Kumpulan sasaran kajian adalah terdiri daripada lima orang murid tahun 3 yang mempunyai pencapaian yang rendah dalam subjek Sains. Bahan-bahan visual digunakan dalam kajian untuk meningkatkan pemahaman murid terhadap isi pelajaran yang disampaikan oleh guru. Kaedah pengumpulan maklumat yang digunakan adalah termasuk pemerhatian, temu bual, soal selidik, ujian dan penilaian. Kaedah menyemak data adalah menerusi triangulasi sasaran, model, dan kaedah. Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa penggunaan bahan visual dapat digunakan untuk mempertingkatkan pencapaian murid tahun tiga dalam tajuk "External features of animals". Bahan-bahan visual boleh diperluaskan penggunaannya dalam amalan mengajar kerana dapat mendatangkan banyak kesan positif.

Kata kunci: Model Stephen Kemmis dan model Mckernan, penggunaan bahan bantu mengajar visual, peningkatan pencapaian murid, triangulasi, amalan mengajar

ABSTRACT

This research aims to increase Year Three pupils' mastery of Science subject through Visual Teaching Aids. The research methods used are based on Stephen Kemmis model (1988) and Mckernan model (1990). The target group for this research is five Year Three pupils of low proficiency in Science subject. The visual materials used is to increase the pupils' comprehension towards the content of the lesson. The methodologies included observation, interview, questionnaire, test and assessment. The data obtained were analysed through triangulation of responden, model and strategy. The research has shown that Visual Learning could increase the pupils' performance in the topic "External features of animals". The use of visual materials could be implemented in teaching Science subject to enhance pupils' learning.

Key words: Model Stephen Kemmis dan model Mckernan, Visual Teaching Aids, increase student performance, triangulation, teaching method

KONTEKS

Pengenalan

Dalam kajian ini, saya menumpukan kepada masalah murid tidak berminat terhadap Sains. Oleh yang demikian, saya telah mengkaji dan memilih satu strategi pembelajaran yang bersesuaian untuk meningkatkan minat dan semangat ingin belajar dalam kalangan murid. Strategi yang telah dipilih untuk kajian ini adalah pembelajaran visual iaitu para murid menerima isi pelajaran dalam kelas dengan berpandukan bahan-bahan visual yang menarik dan merangsangkan.

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran Sains

Masalah utama yang telah saya hadapi sepanjang tempoh praktikum saya adalah para murid tidak melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti yang telah saya rancang. Semasa sesi perbincangan diadakan, mereka tidak berani memberi idea atau pandangan sendiri. Pada pendapat saya, mereka masih bersifat pasif dan malu untuk menjawab soalan saya semasa pengajaran. Selain daripada itu, saya mendapati bahawa murid mula hilang minat dan semangat untuk belajar sekiranya saya menyampaikan isi pelajaran secara lisan untuk satu tempoh yang lama.

Sebagai contohnya, untuk topik "External features of the animals" dalam mata pelajaran Sains tahun 3, sekiranya guru hanya menjelaskan ciri-ciri luaran binatang secara lisan, maka para murid akan cepat hilang minat terhadap topik yang hendak diajar. Melalui pengalaman saya daripada fasa praktikum yang lepas, para murid akan berasa bersemangat dan berminat sekiranya saya menunjukkan gambar-gambar yang berkaitan dengan topik yang hendak diajar. Saya pernah mendengar komen daripada seorang murid semasa saya menunjukkan bahan-bahan visual, murid tersebut berkata: "Yang ini baru best, tadi boring sangat."

Refleksi Nilai Pendidikan


Sepanjang tiga fasa praktikum yang telah saya jalankan di tiga buah sekolah kebangsaan yang berlainan di Kuching, saya telah menyedari tentang sikap dan nilai yang perlu diamalkan oleh seorang pendidik. Sebagai seorang guru yang bertanggungjawab perlu bersikap prihatin terhadap keperluan semua murid. Pada pendapat saya, sebagai seorang guru, peranan dan tanggungjawab adalah besar dalam meningkatkan pencapaian dan memastikan kemajuan mereka daripada pelbagai aspek tetapi bukan daripada aspek akademik sahaja.

Kajian tindakan ini dilaksanakan untuk menyelesaikan isu masalah kehilangan minat murid terhadap subjek Sains. Kajian ini dirancang berasaskan penjaagaan keperluan terhadap golongan murid yang lemah dan memerlukan bantuan.

Isu Keprihatinan

Semasa saya menjalankan praktikum pertama di sebuah sekolah kebangsaan di Kuching, saya telah mendapati bahawa para murid tidak mempunyai pengetahuan sedia ada yang mencukupi mengenai isi pelajaran yang ingin disampaikan. Keadaan ini menyebabkan mereka mudah hilang minat terhadap pembelajaran subjek Sains. Dalam tempoh praktikum kedua saya di sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina di Kuching, saya telah mendapati bahawa para murid di sekolah ini adalah sangat pasif. Mereka tidak berani untuk menanya soalan atau mengeluarkan idea dan pandangan sendiri. Pada praktikum fasa ketiga, saya dapat mengesan bahawa murid-murid tahun tiga saya adalah sangat pasif semasa proses

pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Minat mereka terhadap pembelajaran Sains juga adalah rendah. Mereka tidak berani memberi pandangan sendiri mengenai isi pelajaran yang disampaikan.



Rajah 1. Peratusan masalah pembelajaran para murid tahun tiga.



Rajah 2. Keadaan murid dalam kelas semasa pengajaran secara lisan dijalankan.

Fokus Kajian

Fokus utama dalam kajian saya ini adalah untuk mengkaji keberkesanan cara pembelajaran visual dalam membantu para murid dalam mata pelajaran Sains. Penggunaan pembelajaran visual ini dikaji sama ada dapat mempertingkatkan kefahaman murid terhadap isi pelajaran yang disampaikan oleh guru. Selain itu, penggunaan grafik ataupun gambar juga dapat digunakan untuk mengawal keadaan kelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Grafik yang cantik dapat menarik perhatian dan fokus para murid supaya memberi tumpuan kepada guru dalam kelas.

Objektif Kajian

Objektif utama dalam kajian saya ini adalah untuk menyelesaikan masalah kehilangan minat dalam kalangan para murid semasa proses pembelajaran dan pengajaran dijalankan. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat meningkatkan pencapaian para murid dalam subjek Sains. Saya telah memilih strategi pembelajaran secara visual dalam menyelesaikan masalah pembelajaran yang berlaku ini. Kajian yang telah saya lakukan adalah untuk mengkaji keberkesanan pembelajaran visual dalam pengajaran subjek Sains.

Teori Pedagogi

“Setiap orang mempunyai gaya pembelajaran dan kekuatan yang tersendiri (Kenneth & Dunn, 1984). Gaya pembelajaran boleh didefinisikan sebagai *“motivational interest or pattern that is preferred when processing new information or experiences”* (minat atau pola terpilih yang mendorong seseorang apabila memproses maklumat baru atau pengalaman)”

“Penggunaan visual adalah merupakan salah satu strategi yang amat berkesan bagi membantu dan meningkatkan proses pembelajaran. Cara ini adalah dijalankan dengan berpandukan pelbagai jenis bahan-bahan visual yang bergerak ataupun tidak bergerak.”

(Ahmad Nazir Muhammad Ali, 2006, Penyelidikan tentang pembelajaran visual dalam mempertingkatkan pemahaman murid.)

Proses pengajaran dan pembelajaran masa kini telah banyak berubah dan mengalami evolusinya sendiri. Sebelum ini, penggunaan lisan dan tulisan sudah menjadi kebiasaan dalam pengajaran, kini teknologi telah menjadi pemacu dalam penggunaan alatan yang lebih canggih seperti penggunaan komputer, video, dan pelbagai peralatan lain lagi yang menggabungkan elemen visual, audio dan teks. (Ahmad Rizal Madar, 2006, Kajian tentang Kesan Penggunaan Koswer Terhadap Tahap Pencapaian Pelajar Berdasarkan Gaya Kognitif Field Independence-dependence.)

Persoalan Kajian

1. Adakah penggunaan bahan bantu mengajar visual ini dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah mudah kehilangan minat di kalangan murid terhadap subjek Sains?
2. Adakah bahan bantu mengajar visual dapat meningkatkan pencapaian para murid terhadap subjek Sains?
3. Apakah kebaikan dan keburukan penggunaan bahan visual dalam pengajaran subjek Sains?

Perancangan Tindakan

Strategi pembelajaran yang akan saya gunakan untuk mengatasi masalah yang wujud dalam kalangan para murid adalah kaedah belajar secara visual. Tajuk pembelajaran yang digunakan dalam kajian saya ini ialah "External features of Animals" untuk tahun 3. Sebelum menjalankan kaedah pembelajaran visual, saya akan menyediakan satu rancangan pembelajaran yang berkaitan dengan topik yang saya ajar. Objektif pembelajaran yang ditetapkan perlu eksplisit dan boleh diukur. Rasional untuk menyediakan rancangan pembelajaran ini adalah untuk memudahkan guru dalam menjalankan proses pembelajaran dan pengajaran dengan lancar. Objektif yang ditetapkan juga boleh dijadikan sebagai hala tuju kepada guru untuk menyampaikan isi pelajaran.

Selain daripada itu, saya akan menyediakan pelbagai jenis bahan bantu mengajar visual untuk pengajaran tersebut. Bahan-bahan visual ini adalah seperti gambar, video klip, powerpoint slides dan sebagainya. Saya berharap dapat meningkatkan kualiti pembelajaran para murid menerusi bahan-bahan tersebut.

PELAKSANAAN TINDAKAN

Model Kajian

Model kajian yang telah saya aplikasikan dalam kajian ini adalah model Stephen Kemmis dan model McKernan. Kedua-dua model ini memiliki kelebihan dan kekuatan tersendiri. Persamaan yang terdapat dalam dua model ini adalah dua kitaran kajian akan dijalankan untuk mendapatkan data atau maklumat yang tepat.

Pelaksanaan tindakan saya dalam kajian ini adalah berdasarkan dengan satu sesi pengajaran yang menekankan kaedah Pembelajaran Visual. Sesi pengajaran ini diharapkan dapat mempertingkatkan minat dan semangat belajar dalam kalangan murid. Di samping itu, kaedah pengajaran ini membolehkan pencapaian murid dalam subjek Sains dipertingkatkan.

Dalam bahagian set induksi, saya akan menunjukkan video yang berkaitan dengan pelbagai jenis binatang dan haiwan. Rasional menunjukkan video klip ini adalah untuk menarik perhatian para murid dan memberikan masa kepada mereka bersedia untuk belajar. Seterusnya, saya akan menguji pengetahuan sedia ada para murid tentang topik "External Features of Animals." Rasional menjalankan aktiviti ini adalah supaya guru dapat mengetahui tentang pengetahuan sedia ada yang terdapat pada para murid. Dalam bahagian penyusunan semula idea ini, saya akan menunjukkan gambar-gambar tentang pelbagai jenis haiwan yang terdapat di alam sekitar. Selepas itu, saya akan meminta para murid untuk menyatakan pandangan mereka tentang ciri-ciri luaran yang terdapat dalam haiwan-haiwan tersebut. Rasional menjalankan aktiviti ini adalah untuk mempertingkatkan kefahaman para murid tentang topik pengajaran. Mereka akan dapat memahami dengan lebih mendalam tentang ciri-ciri luaran haiwan sekiranya berpeluang untuk memerhatikan gambar-gambar yang ditunjukkan. Selain itu, aktiviti ini juga penting dan berguna untuk membetulkan "misconception" yang terdapat dalam kalangan murid.

Aktiviti yang telah saya rancang dalam bahagian ini adalah aktiviti berkumpulan. Setiap kumpulan akan diberikan sekeping kertas mahjong dan juga marker pen. Mereka perlu menghasilkan satu rajah untuk mengumpul haiwan mengikut

kumpulan berdasarkan ciri-ciri luaran yang terdapat pada haiwan tersebut. Rasional menjalankan aktiviti ini adalah untuk memperkukuhkan pemahaman para murid terhadap topik yang telah dipelajari.

Dalam bahagian penutup, saya akan membimbing para murid untuk menyanyi sebuah lagu yang berkaitan dengan topik yang telah diajar. Saya akan menyediakan grafik visual yang menarik bersertakan dengan lagu tersebut. Selepas itu, saya menunjukkan gambar-gambar haiwan dan meminta mereka menyatakan tentang ciri-ciri luaran haiwan tersebut. Rasional menjalankan aktiviti ini adalah untuk membuat penilaian dan pengukuran terhadap pemahaman para murid.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Lima orang sasaran iaitu tiga orang perempuan dan dua orang lelaki yang telah saya pilih ialah terdiri daripada kumpulan yang paling lemah dalam kelas tersebut. Purata markah yang mereka perolehi dalam ujian pre-test adalah di bawah enam puluh markah. Pencapaian markah ini adalah banyak berbeza sekiranya dibandingkan dengan murid-murid yang lain. Hal ini sedemikian menunjukkan kumpulan ini memerlukan bantuan yang lebih untuk meningkatkan lagi pencapaian mereka dalam subjek Sains.

Selain daripada aspek keputusan, saya memilih lima orang murid tersebut adalah disebabkan oleh sikap dan tingkah laku mereka dalam bilik darjah. Mereka sentiasa menunjukkan wajah yang hilang minat terhadap aktiviti pembelajaran yang dijalankan. Selain itu, mereka juga tidak menumpukan perhatian samasa saya menyampaikan isi pelajaran.

Selain daripada itu, lima orang sasaran merupakan satu bilangan yang sesuai dalam kajian saya. Jumlah bilangan ini juga mudah dikendalikan sekiranya dibandingkan dengan murid-murid yang ramai. Mereka dapat memberi kerjasama yang agak tinggi kepada saya semasa kajian dijalankan. Saya boleh mengawal keadaan dalam kelas dengan mudah tanpa sebarang sekatan atau halangan yang besar.

Etika Penyelidikan

Sebelum saya menjalankan kajian penyelidikan di sekolah, saya telah menghasilkan satu kertas cadangan untuk memohon kebenaran daripada pihak sekolah untuk menjalankan kajian tersebut. Permohonan ini adalah bertujuan sebagai satu pemberitahuan kepada pihak sekolah supaya tidak mengganggu aktiviti harian di sekolah.

Selain itu, saya juga menghasilkan surat perjanjian untuk diisikan oleh kelima-lima orang sasaran kajian saya. Mereka juga diberitahu tentang objektif kajian ini dijalankan. Langkah ini adalah penting untuk memastikan mereka memahami dan bersetuju dengan kajian penyelidikan yang akan dijalankan.

Teknik Mengumpul Data

Pemerhatian

Pemerhatian dalam kajian ini akan dijalankan dalam pelbagai jenis kaedah seperti mengambil gambar dan video, senarai semak dan rekod anekdot. Pemerhatian ini dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran Visual dijalankan terhadap para murid. Seorang rakan sekumpulan saya juga akan membantu saya dalam mengambil gambar dan membuat catatan pemerhatian.

Soal Selidik

Soal selidik ini adalah merangkumi 6 soalan yang mudah difahami oleh para murid tahun tiga. Mereka dikehendaki untuk menjawab soalan tersebut mengikut pandangan dan idea sendiri. Keputusan soal selidik ini akan dijadikan sebagai satu sumber rujukan dalam kajian ini.

Temu Bual

Temu bual yang dijalankan adalah dalam bentuk formal iaitu soalan-soalan akan disediakan terlebih dahulu. Sasaran temu bual ini adalah dua orang guru Sains yang amat berpengalaman di sekolah dan juga 5 orang murid tahun 3. Isi kandungan temu bual akan dicatatkan sebagai satu rujukan untuk mengkaji keberkesanan Pembelajaran Visual.

Ujian

Ujian yang telah saya sediakan dalam kajian ini adalah dibahagikan kepada dua iaitu pre-test dan post-test. Ujian pre-test telah diberikan kepada para murid sebelum pembelajaran visual dijalankan. Tujuan ujian ini adalah untuk menguji tahap dan pencapaian para murid dalam topik "External features of animals". Ujian ini dibahagikan kepada lima bahagian, A, B, C, D, dan E. Kelima-lima bahagian ini adalah soalan yang berkaitan dengan topik "Animal". Peruntukan markah untuk setiap bahagian adalah 20 markah. Jumlah markah ujian ini adalah 100 markah.

Penilaian Pengajaran

Saya telah menghasilkan satu borang penilaian pembelajaran yang merangkumi pelbagai aspek. Penilaian ini adalah dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat pertama dan kedua. Terdapat dua pihak yang terlibat dalam penilaian ini iaitu guru pembimbing di sekolah dan juga seorang guru pelatih.

Teknik Menyemak Data

Triangulasi Model

Terdapat dua jenis model yang telah saya gunakan untuk kajian ini iaitu model Stephen Kemmis dan juga model McKernan. Saya telah memilih dua model ini kerana kedua-dua model tersebut adalah sesuai digunakan untuk menjalankan kajian saya dalam tempoh masa yang ditetapkan. Model Stephen Kemmis merangkumi 4 langkah yang utama iaitu perancangan, bertindak, memerhati dan refleksi. Selain itu, model McKernan telah meliputi 6 langkah yang utama iaitu kenal pasti masalah, peninjauan, menentukan fokus kajian, perancangan pelaksanaan, penilaian refleksi dan membuat keputusan.

Triangulasi Kaedah

Terdapat tiga kaedah pengumpulan data, iaitu pemerhatian, temu bual, soal selidik dan analisis dokumen. Penggunaan keempat-empat kaedah ini akan saling melengkapi antara satu dengan yang lain, ketidakjelasan daripada pengutipan data teknik pemerhatian akan ditanya kepada responden melalui teknik temu bual dan soal selidik, yang kemudian disokong oleh teknik analisis dokumen.

Triangulasi Responden

Dalam kajian ini, saya telah memilih lima orang murid tahun 3 untuk dijadikan sebagai sasaran untuk kajian. Kelima-lima orang murid ini mengalami masalah dalam pembelajaran Sains dan keputusan subjek Sains yang diperolehi mereka adalah tidak memuaskan. Kaedah pengumpulan maklumat yang sama telah dijalankan dalam kalangan lima orang sasaran ini untuk memperoleh maklumat dan data yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang lebih tinggi.

Teknik Menganalisis Data

Analisis Pemerhatian

Jadual 1.

Pengkategorian data mengenai tingkah laku murid

Jenis tingkah laku	Bilangan responden
Menumpukan perhatian dalam pembelajaran	5 orang
Tidak membuat bising dalam bilik darjah	4 orang
Menanya soalan yang berkaitan	3 orang
Tidak menunjukkan wajah yang letih	5 orang
Tidak membuat kerja sendiri	5 orang
Dapat mematuhi arahan yang diberikan	5 orang

Jadual 2.

Analisis data rekod anekdot

Kategori	Tema
Berseronok semasa berbaris	Berminat
Tertarik terhadap video klip yang ditayangkan	Berminat
Melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti	Berminat
Sanggup berbincang dalam aktiviti kumpulan	Berminat
Menanya soalan yang tidak berkaitan	Tidak berminat
Berbual-bual dengan rakan	Tidak berminat
Berasa kelas adalah menarik	Berminat

Analisis soal selidik

Jadual 3.

Analisis data soal selidik

Soalan soal selidik	Setuju	Tidak setuju
1. Pembelajaran berdasarkan buku teks dan buku latihan adalah membosankan.	80%	20%
2. Pengajaran secara lisan oleh guru tidak dapat menimbulkan minat saya untuk belajar.	100%	0%

3. Penggunaan "Powerpoint slides" oleh guru dalam kelas adalah sangat menarik.	60%	40%
4. Saya suka menonton video klip yang ditayangkan oleh guru untuk memahami tentang isi pelajaran	80%	20%
5. Saya gemar belajar melalui gambar-gambar yang ditunjukkan oleh guru.	80%	20%
6. Pembelajaran secara visual membolehkan saya memahami dan mengingat isi pelajaran yang disampaikan oleh guru.	60%	40%
7. Saya dapat mempelajari pengetahuan yang baru melalui aktiviti melukis dan melabel.	60%	40%
8. Pembelajaran secara visual dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran saya dalam subjek Sains.	100%	0%

Analisis temu bual

Jadual 4.

Transkripsi temu bual soalan pertama responden dalam pembelajaran visual

Soalan 1: Apakah pendapat anda terhadap pengajaran Sains yang dijalankan oleh guru. Sila berikan sebab.	
Nama Murid	Respons Peserta
A	Saya suka pengajaran cikgu kerana gambar dan video yang menarik.
B	Erm... Saya suka akan aktiviti menampal gambar yang dijalankan oleh guru. Ia membolehkan saya lebih memahami tentang isi pelajaran.
C	Saya berasa senang dan lega dalam kelas guru. Sebab cikgu dapat menunjukkan banyak gambar-gambar haiwan yang menarik.
D	Dalam topik ini, saya keliru dengan ciri-ciri luaran bagi haiwan yang banyak belajar hari ini.
E	Seronok sebab ada aktiviti kumpulan tapi saya tidak suka aktiviti melukis sebab saya kurang pandai.

Jadual 5.

Transkripsi temu bual soalan kedua responden dalam pembelajaran visual

Soalan 2: Adakah pembelajaran visual yang dijalankan menarik minat anda? Berikan sebab.	
Nama Murid	Respons Peserta
A	Ya, sebab video adalah sangat menarik. Saya suka video yang ditayangkan.
B	Ya, saya suka melihat gambar yang ditunjukkan oleh guru. Saya tidak suka cikgu mengajar dengan bercakap sahaja.
C	Ya, gambar dan video yang ditunjukkan membolehkan saya memahami isi pelajaran.
D	Ya, saya suka menonton video klip sebabnya bergerak dan juga berbunyi.
E	Ya, saya suka cikgu mengajar dengan menggunakan bahan-bahan visual.

Jadual 6.

Pengkategorian Data bagi Faktor Murid yang Berminat dalam Sains

Kategori	Tema
Senang	Penguasaan murid
Memahami isi pengajaran	Strategi pengajaran dan pembelajaran
Aktiviti perbincangan	
Aktiviti menampal gambar	
Penayangan video klip	
Menunjukkan gambar	

Jadual 7.

Transkripsi temu bual soalan ketiga responden dalam pembelajaran visual


Soalan 3: Bolehkah anda berikan lebih daripada 3 ciri luaran bagi haiwan yang anda pelajari pada hari ini?	
Nama Murid	Respons Peserta
A	<u>Ciri-ciri luaran bagi haiwan adalah seperti:-</u> - Harimau mempunyai gigi yang tajam. - Arnab mempunyai telinga yang panjang. - Burung helang mempunyai sepasang telinga.
B	<u>Ciri-ciri luaran bagi haiwan adalah seperti:-</u> - Kura-kura mempunyai cangkerang keras. - Lembu mempunyai sepasang tanduk. - Kambing mempunyai sepasang tanduk.
C	<u>Ciri-ciri luaran bagi haiwan adalah seperti:-</u> - Ikan mempunyai insang untuk bernafas - Lembu mempunyai bulu pada badannya. - Burung mempunyai sayap untuk terbang.
D	<u>Ciri-ciri luaran bagi haiwan adalah seperti:-</u> - Harimau mempunyai kuku yang tajam. - Lembu mempunyai empat kaki. - Kucing mempunyai janggut pada mukanya.
E	<u>Ciri-ciri luaran bagi haiwan adalah seperti:-</u> - Buaya mempunyai sisik pada badannya. - Beruang mempunyai bulu yang tebal. - Singa mempunyai gigi yang tajam

Jadual 8.


Tahap pencapaian responden dalam mata pelajaran Sains selepas menggunakan Kaedah Pembelajaran Visual

Nama Murid	Ciri-ciri luaran haiwan		Tahap Pencapaian
	Jawapan betul	Jawapan salah	
A	2	1	Sederhana
B	3	0	Baik
C	3	0	Baik
D	2	1	Sederhana
E	3	0	Baik


Analisis Ujian



Rajah 3. Pencapaian markah murid dalam ujian.



Rajah 4. Perbandingan antara min bagi markah ujian pra dan pos.



Rajah 5. Pencapaian grad murid dalam ujian.

Analisis Temu Bual

Jadual 9.

Analisis kandungan temu bual dengan guru pembimbing


<p>Kelebihan: LWW : Pada pandangan cikgu, apakah kekuatan atau kelebihan yang terdapat dalam pembelajaran visual? FAH : Pembelajaran visual ini adalah senang bagi murid-murid memahami tentang benda-benda yang penting dalam Sains. Sebagai seorang guru sekolah rendah, sasaran kita adalah murid-murid yang masih berumur kecil. Oleh sebab itu, pembelajaran visual adalah lebih sesuai kepada mereka dalam mempelajari sesuatu pengetahuan yang baru.</p>	<p>Analisis: Kebaikan yang terdapat pada pembelajaran visual adalah memudahkan para murid untuk memahami isi pelajaran yang ingin disampaikan oleh guru. Bahan visual yang ditunjukkan adalah sesuai kepada sasaran kajian yang masih pada tahap sekolah rendah.</p>
<p>Kelemahan: LWW : Adakah pembelajaran visual ini mempunyai kelemahan ataupun mendatangkan masalah dalam proses pengajaran? FAH : Strategi pengajaran mempunyai dua aspek dan sudah tentu pengajaran ini mempunyai masalahnya. Sebagai contohnya, guru perlu menggunakan masa yang lebih untuk menyediakan bahan untuk pembelajaran ini. Selain itu, para murid tidak akan mengingat isi pelajaran yang telah disampaikan sekiranya isi tersebut tidak ditegaskan oleh guru.</p>	<p>Analisis Kelemahan jenis pembelajaran ini adalah ia memerlukan masa. Seseorang guru perlu menghabiskan masa untuk mencari bahan-bahan yang bersesuaian seperti gambar, video, dan sebagainya. Selain itu, para murid tidak akan dapat mengingat semua isi pelajaran sekiranya guru tidak menjalankan penegasan yang lain seperti latihan, perbincangan dan sebagainya.</p>

Analisis Penilaian Pengajaran

Jadual 10.

Permarkahan tentang penilaian pengajaran

Item	Guru Pembimbing		Guru Pelatih	
	Pra	Pos	Pra	Pos
Permulaan	3	4	3	4
Perkembangan pengajaran	3	5	4	5
Pengurusan bilik darjah	4	5	3	5
Komunikasi	4	4	3	5
Kualiti pembelajaran	4	4	3	4
Penutup	4	5	3	4
Pencapaian hasil pengajaran	4	5	4	5
Aplikasi idea	3	5	3	5
Penerapan pemikiran kreatif	4	4	3	5
Penglibatan murid-murid	4	5	3	5
Jumlah	37	46	32	47
Min	3.7	4.6	3.2	4.7
Sisihan Piawai	0.641	0.485	0.516	0.485



Rajah 6. Keputusan penilaian pengajaran.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan Kajian

Menurut Miles dan Huberman (1994), kajian kualitatif mempunyai kualiti 'tidak dapat dinafikan' kerana mempunyai perkataan konkrit lebih dari satu dan dengan jelas lebih meyakinkan pembaca daripada halaman-halaman bernombor. Oleh sebab sedemikian, saya telah menggabungkan pelbagai jenis kaedah supaya mendapat data yang lebih tepat dalam kajian.

Berdasarkan senarai semak dan rekod anekdot yang telah disediakan untuk tujuan pemerhatian, saya telah mendapati bahawa terdapat perubahan yang jelas dalam kalangan murid. Sikap dan tingkah laku mereka telah berubah menjadi lebih aktif sekiranya dibandingkan dengan kelas lepas. Kelima-lima orang sasaran telah menunjukkan perubahan selepas bahan bantu mengajar visual digunakan.

Menerusi soal selidik yang dijalankan dalam kalangan responden, saya boleh mendapati bahawa maklum balas para responden terhadap penggunaan bahan visual dalam pembelajaran adalah positif. Mereka juga berminat belajar dengan berpandukan bahan-bahan visual tersebut.

Maklum balas yang telah saya perolehi dengan kaedah temu bual telah menunjukkan para responden dapat menerima pembelajaran dengan penggunaan bahan-bahan visual. Mereka memberi pandangan bahawa bahan visual seperti gambar, video dan sebagainya dapat menarik minat mereka untuk belajar. Selain itu, pencapaian mereka dalam topik tertentu juga meningkat.

Pemerolehan markah ujian para responden dalam pre-test dan post test telah menunjukkan dengan jelas bahawa para murid telah mencapai peningkatan dalam ujian yang kedua iaitu selepas penggunaan bahan visual dalam pembelajaran. Kelima-lima sasaran telah mencapai peningkatan dalam ujian post-test sekiranya dibanding dengan markah yang diperolehi dalam ujian pre-test. Peningkatan markah ujian yang dicapai oleh para murid adalah dalam lingkungan 12 (58 kepada 70) hingga 36 (60 kepada 96) markah.

Berdasarkan sesi temu bual dengan guru sekolah, saya mendapati kelemahan pada jenis pembelajaran ini adalah ia memerlukan masa untuk disediakan. Seseorang guru perlu menghabiskan masa untuk mencari bahan-bahan. Selain itu, para murid tidak akan dapat mengingati semua isi pelajaran sekiranya guru tidak menjalankan penegasan yang lain. Cadangan kaedah pengajaran yang diberikan oleh guru tersebut adalah gabungan pelbagai strategi pembelajaran.

Menerusi kaedah penilaian pengajaran, saya telah mendapati peningkatan markah pada pemerhatian kedua daripada kedua-dua pihak. Ini telah membuktikan kaedah pembelajaran visual telah mendatangkan banyak kebaikan dan kekuatan dalam pengajaran saya.

Refleksi Kajian Penyelidikan

Selepas kajian penyelidikan ini dijalankan, saya mendapati bahawa banyak perkara yang telah saya alami menerusi kajian ini. Saya telah memilih kaedah pembelajaran ini berdasarkan pengalaman mengajar saya dalam fasa praktikum yang lepas. Walau bagaimanapun, saya sedar bahawa masalah pembelajaran ini bukan mudah untuk diselesaikan dalam tempoh masa yang pendek. Saya telah mencari maklumat yang berkaitan dengan masalah tersebut daripada pelbagai jenis sumber. Selain itu, saya juga menjalankan beberapa pra kajian untuk mengesan tentang punca-punca berlakunya masalah dalam kalangan murid.

Berdasarkan satu jurnal pendidikan yang telah dihasilkan oleh Kamisah Osman dalam mengkaji tentang “Sikap terhadap Sains dan Sikap Saintifik di kalangan Pelajar Sains”, beliau telah mengatakan penemuan inkuiri ataupun aktiviti “hands on” merupakan strategi pembelajaran yang paling berkesan dalam mempelajari Sains. Namun demikian, pada pendapat saya, aktiviti “hands on” tersebut bukan paling sesuai dan berkesan kepada semua topik yang terdapat dalam sukatan pembelajaran. Sebagai contohnya, untuk topik “Animals” dalam sukatan pelajaran tahun 3 adalah tidak sesuai sekiranya diajar menerusi aktiviti “hands on”. Pada pendapat saya, gaya pembelajaran visual merupakan satu strategi pembelajaran yang lebih berkesan dalam mengajar topik tersebut. Hal ini sedemikian kerana melalui bahan-bahan visual yang sesuai, maka para murid dapat mengenali pelbagai jenis binatang atau haiwan yang terdapat di seluruh dunia.

Refleksi Kendiri

Menerusi kajian penyelidikan ini, saya telah mempelajari tentang langkah-langkah yang betul untuk merancang satu kajian penyelidikan. Bermula daripada mengesan isu-isu masalah yang terdapat dalam kelas, saya telah memperoleh ilmu pengetahuan yang baru dan berguna. Saya telah mempelajari beberapa langkah untuk mengesan tingkah laku dan maklum balas murid sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Sebagai seorang pendidik mesti peka terhadap isu atau masalah yang berlaku dalam kalangan murid. Seseorang guru tidak boleh mementingkan diri sendiri dan mengabaikan keperluan murid-murid.

Cadangan Penambahbaikan dan Tindakan Susulan

Pada pertamanya, saya akan mencari maklumat yang lebih banyak dan berkaitan dengan tajuk kajian saya. Saya akan mengkaji lebih tentang jurnal dan kajian yang dihasilkan oleh pakar lain untuk dijadikan sebagai satu rujukan kepada saya. Selain itu, saya akan memilih bilangan sasaran yang lebih besar dalam kajian yang seterusnya supaya kesahan dan kebolehpercayaan kajian saya ini dapat dipertingkatkan lagi. Saya berharap dalam kajian pada masa depan, bilangan sasaran kajian saya dapat diperbanyakkan lagi. Di samping itu, saya juga berharap masa untuk menjalankan kajian penyelidikan ini dapat dipanjangkan lagi. Saya berharap tempoh masa ini diperpanjangkan sehingga 6 bulan supaya saya

mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat kajian yang lebih berkualiti tinggi.

RUJUKAN

- Adam Taib dan Tan Tin Su, 1983, *Pameran Visual*, Dewan Bahasa.
- Ahmad Faud Muhammad, 2007, *Pembelajaran Melalui Visual* yang dipetik daripada <http://www.scribd.com/doc/7850798/PEMBELAJARAN-MELALUI-VISUAL> pada 10 March 2012
- Ahmad Nazir Muhammad Ali, 2006, *Penyelidikan tentang pembelajaran visual dalam mempertingkatkan pemahaman murid*.
- Ahmad Rizal Madar, 2006, *Kajian tentang Kesan Penggunaan Koswer Terhadap Tahap Pencapaian Pelajar Berdasarkan Gaya Kognitif Field Independence-dependence*.
- Henry Ellington and Phil Race, 1994, *Producing Teaching Materials*, Kogan Page Ltd, London, Nicholas Publishing Company.
- Noor Azlina Yunus dan Hyacinth Gaudart, 1996, *Preparing & Using Visual Aids*, Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Nuriata Putrani, 2006, yang dipetik daripada <http://nuritaputranti.wordpress.com/2007/12/28/gaya-belajar-anda-visual-auditori-atau-kinestetik/> pada 4 March 2012.
- Prof. Madya Dr. Azizi Yahaya Syazwani Binti Abdul Razak, *Hubungan antara Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian mata pelajaran* yang dipetik daripada <http://eprints.utm.my/6059/1/aziziyahwani.pdf> pada 12 March 2012
- Rosniah Mustaffa, 2007, *Mengadaptasikan Gaya Pembelajaran Pelajar ESL: Satu Kajian Kes Pelajar Tahun Satu di UKM*.
- Selva Rane Subramanniam, Bavani Nageswana Row. (2006). *Exemplary Practices in Teaching Primary Science*. Karisma Publications Sdn Bhd
- Siti Hafiqah, 2006, *Gaya Pembelajaran yang Unik* yang dipetik daripada <http://sukosenseipedg.blogspot.com/2009/03/gaya-pembelajaran.html> pada 4 March 2012
- Tan, Phei Yee (2007) *Kesan gaya pembelajaran visual, audio dan kinestetik terhadap pembelajaran bahasa pengaturcaraan di kalangan pelajar politeknik*. Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Viky, 2008, *Media Pembelajaran Visual* yang dipetik daripada <http://vickyoktrya.blogspot.com/2009/10/media-pembelajaran-dan-media.html> pada 15 March 2012.
- Wikipedia, *The Virtual Learning* yang dipetik daripada http://en.wikipedia.org/wiki/Visual_learning pada 4 March 2012.
- Wayne K. Hoy. (2010). *Quantitative Research Education*. United States of America. SAGE Publications Ltd.